

MERUNGKAI KEMELUT UMMAH MELALUI KEBERKATAN BULAN RAMADHAN

Hasnan Kasan
Pusat Pengajian Umum
Universiti Kebangsaan Malaysia
hasnan@pkriscc.ukm.my

Memahami tabiat penciptaan manusia dan keperluannya kepada ibadah puasa.

Mengkaji tentang tabiat manusia adalah satu aspek ilmu yang diperlukan oleh masyarakat dalam mengharungi kehidupan di dunia. Berbagai pandangan tentang manusia telah diutarakan semenjak dari dahulu hingga sekarang. Ulasan demi ulasan telah dilakukan oleh ahli fikir yang hanya menggunakan akal semata-mata tentang manusia. Ulasan-ulasan ini telah melahirkan berbagai teori yang menyesatkan tentang manusia. Bermula dengan teori Darwin dengan konsep evolusinya hinggalah teori Hegel dengan konsep kitaran hidup manusia, semuanya telah menyebabkan manusia hidup dalam terumbang-ambing di pentas dunia. Banyak pertembungan manusiawi telah berlaku dari zaman ke zaman tanpa jalan penyelesaian (Sulaiman Nordin, 2002)

Menurut jurus pandang Islam, konsep dan tasawur tentang manusia yang paling tepat sekali adalah yang berlandaskan penjelasan Pencipta manusia itu sendiri iaitu Allah Yang Maha Mencipta lagi Maha Mengetahui akan ciptaanNya. Sebagai Pencipta sudah pasti Allah mengetahui sifat, ciri, kekuatan dan kelemahan makhluk yang telah dijadikannya samada yang bersifat makro mahupun mikro. Begitu juga dalam mengimplimentasikan konsep 'rahmat' yang terangkum dalam namaNya 'Ar-Rahim', Allah tidak membiarkan manusia tercari-cari tentang kekuatan dan kelemahan yang ada pada dirinya dalam mengharungi kehidupan di dunia. Dengan berbagai kelemahan yang ada pada diri manusia, ia memang tidak mampu untuk meneroka dan menghalusi kejadiannya sendiri. Tambahan pula untuk mengetahui keperluan-keperluan yang pasti mendatangkan kebaikan dan perkara-perkara yang mendatangkan keburukan bagi dirinya di dunia dan di akhirat.

Oleh itu untuk mengenal konsep manusia secara tepat dan menegaskan ketepatan polisi syariat dengan keperluan manusia di dunia dan di akhirat perlulah diteliti penghuraian yang telah dilakukan oleh Penciptanya melalui Al-Kitab yang telah diturunkan dan melalui penjelasan Rasul sebagai penyampai wahyu kepada manusia yang tidak bertutur mengikut hawa nafsu sendiri. Dalam perbahasan selanjutnya penulis akan menjelaskan konsep manusia menurut Al-Quran dan polisi-polisi syariat dalam kehidupan manusia. Melalui penulisan ini penulis berharap dapat memberikan kefahaman tentang keperluan manusia kepada syariat Allah dalam menjalani kehidupan di dunia sebagai penghubung kepada kehidupan akhirat.

Manusia makhluk yang diciptakan oleh Allah mengandung dua unsur.

Al-Quran telah menjelaskan bahawa manusia telah diciptakan oleh Allah daripada dua unsur penting iaitu unsur yang bersifat kebendaan dan unsur roh yang bersifat kerohanian (Mohammad Ali Albar, 1992) Konsep dua unsur iaitu jasadi dan rohani ini dapat difahami dalam ayat Al-Quran yang menceritakan tentang kejadian Adam a.s, bapa segala manusia. Firman Allah dalam surah Al-Sajdah:

Maksudnya: Tuhan yang membuat segala sesuatu yang diciptakan dengan sebaik-baiknya dan yang memulakan penciptaan manusia daripada tanah. Kemudian Dia menciptakan keturunannya daripada sari pati air yang hina (air mani). Kemudian Dia menyempurnakan kejadiannya dan meniupkan ke dalam tubuhnya akan roh ciptaanNya. (Al-Sajdah: 7-9)

Unsur jasadi dan rohani yang ada pada manusia adalah bersifat sepadu yang tidak boleh dipisahkan antara satu sama lain. Manusia tidak boleh mementingkan aspek rohani dengan mengabaikan aspek jasadi dan tidak boleh mementingkan aspek jasadi dengan mengabaikan aspek rohani. Pengabaian terhadap salah satu dari dua unsur ini akan mengakibatkan manusia hidup dalam keadaan yang tidak sempurna.

Kedua-dua unsur ini mempunyai keperluan-keperluan yang perlu ditangani dan perkara-perkara yang boleh merosakkannya yang perlu dijauhi. Antara keperluan rohani ialah mengenal Allah, melakukan ibadah antaranya puasa, menjauhkan diri daripada maksiat dan hubungan kasih sayang sesama manusia. Manakala antara keperluan jasadi pula ialah makan, pakaian, tempat tinggal dan keperluan naluri seks. Oleh itu Rasulullah s.a.w telah mengingkari perbuatan tiga orang sahabat baginda untuk menumpukan perhatian kepada ibadah dengan mengabaikan keperluan jasadi dengan mengatakan bahawa baginda adalah orang yang paling bertaqwa dari kalangan para sahabat tetapi baginda berpuasa dan berbuka, bersembahyang malam dan tidur, beribadat tetapi berkahwin dengan wanita (Muhammad Qutub, 1983)

Jasad manusia boleh rosak sekiranya tidak menghindarkan diri daripada perkara-perkara yang boleh merosakkannya. Begitu juga dengan rohani manusia, juga akan rosak apabila ia tidak dijauhkan daripada perkara-perkara yang boleh merosakkannya. Jasad manusia akan rosak dengan memakan makanan yang tidak baik, berada di persekitaran yang kotor dan tidak menjaga disiplin fizikal yang banyak dibincangkan oleh pakar-pakar kesihatan. Manakala rohani manusia akan rosak dan sakit apabila melakukan syirik, banyak berbuat dosa dan lupa terhadap Allah dan hari akhirat. Jasad yang sakit dan lemah boleh diperbaiki dan diubati

dengan mengikut cara-cara yang telah ditetapkan. Begitu juga dengan rohani manusia. Apabila ia sakit maka ia perlu diubati dan dirawat melalui cara yang telah ditetapkan oleh Rasulullah s.a.w dan para sahabat (Ibnu Qayim: t.th).

Unsur jasadi dan rohani ini sentiasa berkembang mengikut situasi yang ada sekelilingnya (Atan Long, 1982). Apabila unsur jasadi yang ada pada manusia dibangunkan dan dijaga maka ia akan menjadi kuat dan bertenaga. Begitu juga dengan unsur rohani, apabila ia dibangun dan diperkuatkan dengan cara yang betul maka ia akan menjadi kuat dan kental sebagaimana yang telah dibuktikan oleh para sahabat Rasulullah s.a.w yang awal. Kedua-dua unsur ini berupaya dibangunkan dan diperkuatkan melalui usaha manusia sendiri dengan berpandukan syariat yang telah diturunkan oleh Allah, bukannya dengan cara yang difikirkan oleh akal manusia sendiri (Said Hawa: 1988).

Manusia bebas memilih.

Untuk menonjolkan kemuliaan manusia berbanding dengan makhluk-makhluk lain samada malaikat atau binatang serta alam benda yang lain, Allah telah memberikan kebebasan memilih kepada manusia dalam segala aspek yang bersifat iradi¹ sekalipun dalam aspek akidah iman dan kufur serta perlakuan yang mengakibatkan pahala dan dosa (M.Ali, 1984). Firman Allah:

Maksudnya: Sesungguhnya Kami telah menjadikan manusia berasal daripada air mani yang bercampur antara lelaki dan perempuan untuk Kami uji. Kemudian Kami jadikan mereka boleh mendengar dan melihat. Sesungguhnya Kami memberikan petunjuk kepada mereka dua jalan samada jalan orang bersyukur atau jalan orang yang kufur (Al-Insan: 2-3)

Firman Allah lagi:

Maksudnya: Maka barang siapa yang mahu hendaklah dia beriman dan barang siapa yang mahu kafir biarlah dia kafir (Al-Kahfi: 29)

Dengan adanya kebebasan memilih ini manusia dipertanggungjawabkan terhadap tindakan-tindakan yang dilakukannya di dunia untuk diperhitungkan di akhirat kelak. Dalam perbincangan ilmu fiqh konsep ini dinamakan sebagai *taklif*. Semua tindakan manusia akan dibicarakan samada kecil atau besar. Manusia tidak akan ada hujah lagi dihadapan Allah apabila tetap melakukan maksiat terhadapNya setelah segala keterangan tentang syariatNya diperjelaskan oleh Rasul (Ibnu Abi Al-Izz, 1984).

¹ Aspek yang manusia punyai pilihan. Manusia tidak mempunyai pilihan dalam menentukan siang dan malam. Begitu juga dengan perjalanan saraf dalam tubuh badannya.

Manusia hidup sebagai ujian.

Kehidupan manusia di dunia bukanlah satu yang sia-sia dan akan habis begitu sahaja. Manusia tidak bebas melakukan apa sahaja di dunia mengikut keinginan dan kemahuan dirinya tanpa ada batasan yang mengawalinya. Ini kerana Al-Quran menjelaskan bahawa Allah menjadikan manusia hidup di dunia ini sebagai ujian. Firman Allah:

Maksudnya: Tuhan yang menjadikan mati dan hidup untuk menguji kamu siapakah daripada kalangan kamu yang lebih baik amalnya (Al-Mulk: 2)

Setiap amalan manusia akan dinilai dan diberikan balasan. Balasan ini samada dalam bentuk ganjaran pahala atau balasan dosa dan azab. Balasan ini samada diberikan ketika di dunia, di alam kubur atau di alam akhirat. Firman Allah:

Maksudnya: Maka orang yang melakukan amalan kebaikan sebesar zarah akan dapat melihat ganjarannya dan orang yang melakukan amalan kejahatan sebesar zarah akan dapat melihat balasannya di hari akhirat kelak (Al-Zalzalah: 7)

Tujuan ujian ini dijalankan oleh Allah terhadap manusia ialah untuk menguji kebenaran iman yang ada di dalam dada mereka. Dengan adanya ujian akan dapat membuktikan kebenaran atau kepalsuan iman seseorang. Firman Allah:

Maksudnya: Apakah manusia menyangka mereka bebas berkata bahawa mereka telah beriman sedangkan mereka tidak diuji (Al-Ankabut: 2)

Ulamak menyimpulkan ujian yang diberikan oleh Allah kepada manusia ada tiga bentuk iaitu dalam bentuk tanggungjawab dan amanah, nikmat dan kesusahan. Ujian dalam bentuk tanggungjawab dan amanah diberikan untuk melihat samada manusia berjaya menunaikannya atau tidak. Manusia diuji dengan tanggungjawab terhadap diri sendiri, keluarga, agama dan terhadap alam seluruhnya. Ujian dalam bentuk nikmat pula diberikan untuk melihat samada manusia bersyukur atau kufur terhadap Allah. Antara nikmat yang kerap kali disebut oleh Rasulullah s.a.w ialah nikmat usia muda, masa lapang, ilmu dan harta kekayaan. Manakala ujian dalam bentuk kesusahan diberikan untuk melihat samada manusia sabar menanggungnya ataupun keluh kesah serta berputus asa. Kesusahan yang dialami oleh manusia kadang-kadang berbentuk kurang harta, ditimpa bencana dan melapetaka serta dizalimi oleh orang lain. Kesenangan dan kesusahan sebagai ujian dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w apabila baginda menyamakan antara orang faqir yang bersabar dan orang kaya yang bersyukur (Al-Maidani, Abdul Rahman, 1995).

Mempunyai musuh ketika di dunia.

Memang sudah menjadi hikmah Allah Taala dan bersesuaian dengan konsep ujian di dunia, manusia tidak dibiarkan begitu sahaja untuk mengikut dan mematuhi kehendak peraturan dan disiplin syariat yang telah digariskanNya. Sememangnya dari asal lagi manusia telah membuat perakuan di hadapan Allah bahawa Dia adalah Tuhan yang sebenar dan tidak ada tuhan lain selain daripadanya. Sekali pandang apabila manusia sudah membuat pengakuan sebegitu maka sudah pasti dia akan mematuhi segala perintah dan larangan Allah. Akan tetapi, jika kita perhatikan realiti yang berlaku di dunia ialah kebanyakan manusia tidak berjaya melaksanakan suruhan Allah dan meninggalkan laranganNya.

Kegagalan manusia mematuhi perintah Allah samada dalam bentuk suruhan atau larangan ini adalah disebabkan oleh manusia itu sentiasa berdepan dengan musuh yang senitasa berusaha menghalangnya daripada mengikut jalan Allah yang lurus. Antara musuh manusia yang telah dinyatakan oleh Al-Quran dengan jelas ialah iblis atau syaitan (Muhammad Jamaluddin, 1996). Firman Allah mengisahkan episod permusuhan ini di dalam Al-Quran setelah Dia mengesahkan bagaimana Iblis diusir daripada syurga diakibatkan keangkuhannya daripada sujud hormat kepada Nabi Adam:

Maksudnya: Iblis menjawab: “Kerana Engkau telah menghukum aku tersesat, aku benar-benar akan menghalangi mereka daripada jalan Engkau yang lurus. Kemudian aku akan mendatangi mereka dari hadapan dan dari belakang, dari kanan dan dari kiri mereka. Dan Engkau tidak akan mendapati kebanyakan mereka bersyukur (taat) (Al’A’raf: 16-17)

Oleh kerana pengistiharan perang oleh iblis terhadap keturunan Adam, maka Allah telah memberitahu bahawa syaitan adalah musuh mereka yang nyata dan memerintahkan mereka menjadikannya sebagai musuh. Firman Allah:

Maksudnya: Sesungguhnya syaitan adalah musuh bagi kamu. Maka jadikanlah ia sebagai musuh. (Fatir: 6)

Di dalam surah Yasin pula Allah telah memberitahu manusia bahawa Dia telah membuat perjanjian dengan mereka supaya tidak mengabdikan diri kepada syaitan dan menyatakan bahawa syaitan adalah musuh mereka yang nyata. Firman Allah:

Maksudnya: Bukankah Aku telah membuat perjanjian dengan kamu supaya kamu tidak mengabdikan diri kepada syaitan. Sesungguhnya ia adalah musuh kamu yang nyata. (Yasin: 60)

Syaitan kerap kali mempergunakan nafsu syahwat yang ada di dalam diri manusia untuk menyesatkan mereka dari jalan Allah yang lurus. Sememangnya di dalam jiwa manusia diciptakan nafsu berkeinginan kepada wanita, kekayaan, anak-anak

dan binatang ternakan serta kemasyhuran yang tidak boleh dipisahkan dalam kehidupan di dunia. Manusia mempunyai kecenderungan hati kepada perkara yang berlainan antara satu sama lain. Kecenderungan inilah yang dipergunakan oleh syaitan untuk menyesatkan manusia dan menghalang mereka daripada melaksanakan perintah Allah dan berjalan di atas jalanNya yang lurus. Oleh itu syaitan dapat memperdaya semua jenis manusia samada manusia berilmu, kaya atau miskin kecuali orang-orang yang mengikhlaskan hati kepada Allah Taala dalam melakukan semua aktiviti (Al-Jauzi, t.th). Firman Allah mengisahkan ikrar syaitan:

Maksudnya: Dan aku pasti akan memperdaya mereka semua kecuali hamba-hamba Mu yang ikhlas (Al-Hijr: 40)

Pada hakikatnya syaitan tidak dapat menguasai manusia secara total. Akan tetapi corak kerjanya ialah mempengaruhi dan memperhiaskan amalan-amalan buruk sebagai amalan baik bagi manusia. Kadang-kadang ia berjaya menipu manusia dan kadang-kadang tidak berjaya apabila manusia kembali kepada Allah. Manusia yang memilih untuk mengikut syaitan adalah dipertanggungjawabkan atas perbuatan mereka kerana ia adalah pilihan mereka sendiri. Firman Allah:

Maksudnya: Dan berkatalah syaitan tatkala perkara hisab telah diselesaikan: “Sesungguhnya Allah telah menjanjikan kepada kamu janji yang benar, dan akupun telah menjanjikan kepada kamu tetapi aku menyalahinya. Sekali-kali tidak ada kekuasaan bagiku terhadap kamu melainkan sekedar aku menyeru kamu lalu kamu mematuhi seruanku. Oleh itu janganlah kamu mencerca aku, tetapi cercalah diri kamu sendiri (Ibrahim: 22) (Al-Maidani, 2000).

Selain dari iblis dan syaitan, manusia juga berdepan dengan tentera-tentera iblis yang lain samada dari kalangan orang kafir atau dari kalangan sesama Islam. Orang kafir terutama dari kalangan orang-orang yahudi dan nasrani sentiasa berusaha untuk menjadikan manusia muslim mengikut jejak langkah mereka kufur kepada Allah (Jalal Alim, 1979). Berbagai bentuk tipu daya dan usaha yang dijalan oleh mereka dalam melaksanakan cita-cita jahat itu. Firman Allah:

Maksudnya: Dan orang-orang yahudi dan nasrani tidak akan senang hati terhadap kamu sehinggalah kamu mengikut agama mereka (Al-Baqarah: 120)

Tentera-tentera sekutu iblis dan syaitan ini kadang-kadang terdiri daripada manusia dan jin. Firman Allah:

Maksudnya: Katakanlah: “Aku berlindung kepada Tuhan yang memelihara dan menguasai manusia. Raja manusia dan Sembahan manusia daripada kejahatan bisikan syaitan yang biasa bersembunyi yang membisikkan kejahatan ke dalam dada manusia dari golongan jin dan manusia (Al Nas” 1-6)

Kecenderungan nafsu yang ada di dalam diri manusia itu sendiri menjadi musuh dan penghalang bagi manusia mematuhi perintah Allah. Ini kerana nafsu itu amat kerap mengajak kepada kejahatan² dan menghalang manusia daripada melaksanakan perintah dan suruhan Allah. Nafsu manusia sentiasa suka kepada keseronokan, kerehatan dan kesenangan.

Manusia dijadikan untuk mengabdikan diri kepada Allah

Matlamat kejadian manusia di dunia ini telah dijelaskan oleh Allah Taala dalam firmanNya:

Maksudnya: Tidak Kami jadikan jin dan manusia kecuali untuk mengabdikan diri kepadaKu (Al-Zariat: 56)

Dalam ayat lain Allah menyebut secara jelas dalam bentuk perintah supaya manusia mengabdikan diri kepadaNya. FirmanNya:

Maksudnya: Wahai sekalian manusia, sembahlah Tuhan kamu yang telah menjadi kamu dan umat yang sebelum kamu (Al-Baqarah: 21)

Intipati pengabdian diri manusia kepada Allah ialah menjadikan semua urusan dan aktiviti yang dilakukannya samada berbentuk iktikad, kata-kata atau amalan menepati keredhaan dan kesukaan Allah. Manusia yang mengabdikan diri kepada Allah hendaklah mencorakkan tingkah laku dan kehidupannya menepati hidayah dan syariat Allah. Firman Allah:

Maksudnya: Sesungguhnya jawapan orang-orang beriman apabila mereka diseru kepada Allah dan rasulNya untuk menyelesaikan perselisihan sesama mereka ialah mereka berkata “kami dengar dan kami taat”, dan mereka itulah orang-orang yang berjaya (Al-Nur: 51)

Sebahagian ulamak dalam membahaskan pengabdian diri kepada Allah membahagikan ibadah kepada ibadah khusus dan ibadah umum. Ibadah khusus ialah segala bentuk amal ta'abbudi yang telah digariskan oleh Allah secara terperinci. Melakukan ibadah jenis ini dengan tujuan selain kerana Allah termasuk dalam syirik yang nyata. Manakala ibadah umum pula ialah segala aktiviti yang tidak bercanggah dengan syariat Islam. Untuk menjadikan aktiviti jenis ini sebagai ibadah mereka mensyaratkan ia hendaklah dilakukan kerana Allah dan mengikut disiplin yang telah ditetapkan oleh syariat (Al-Qardhawi, 1996). Manusia telah berikrar untuk melakukan kedua-dua jenis ibadah ini di sepanjang kehidupannya sebagaimana yang diberitahu oleh Allah dalam firmanNya:

Maksudnya: Katakanlah: Sesungguhnya sembahyangku, ibadah korbanku, hidupku dan matiku adalah kerana Allah Tuhan sekalian

² Dinamakan oleh ahli jiwa muslim sebagai nafsu ammarah.

alam. Tidak ada sekutu bagiNya. Dengan itulah aku telah diperintahkan
(Al-An'am: 162)

Namun untuk menrealisasikan pengabdian diri kepada Allah dalam semua jenis aktiviti makruf yang dilakukan oleh manusia bukanlah suatu yang mudah. Ini kerana manusia sentiasa berdepan dan dihalang oleh musuh-musuhnya yang tidak mahu melihat manusia mengikut jalan Allah yang lurus. Oleh itu bagi membolehkan manusia menrealisasikan tuntutan pengabdian diri kepada Allah, mereka perlu berusaha dan bermujahadah memenangkan tuntutan iman dan menewaskan tuntutan musuh-musuhnya yang telah dibincangkan sebelum ini. Di sinilah timbulnya konsep mujahadah yang banyak dibincangkan dalam buku-buku tasauf.

Manusia mempunyai dua kehidupan.

Kehidupan manusia bukan hanya setakat di dunia. Akan tetapi kehidupannya bersambung ke alam akhirat setelah melalui alam kubur. Dunia adalah sebagai ladang untuk bercucuk tanam dengan melakukan amalan-amalan soleh atau sebaliknya. Manakala akhirat adalah tempat untuk melihat dan mengutip hasil samada baik atau jahat. Firman Allah:

Maksudnya: Dan katakanlah: "Bekerjalah kamu. Maka Allah, rasulNya dan orang-orang beriman akan melihat pekerjaan kamu itu, dan kamu akan dikembalikan kepada Allah yang Maha Mengetahui akan yang ghaib dan yang nyata, lalu Dia memberitahu kamu pekerjaan yang telah kamu lakukan. (Al-Taubah: 105)

Kehidupan dunia adalah penghubung kepada akhirat. Tidak ada pemisahan antara dunia dan akhirat. Manusia yang beramal di dunia akan dapat melihat hasilnya di akhirat. Amalan dunia mempunyai keutamaan dan peringkat yang telah ditentukan oleh syariat. Semua amalan tidak sama tarafnya dari segi keutamaan. Ini kerana manusia tidak mampu melakukan semua amalan yang ada di dunia. Maka yang utama perlu didahulukan dan yang kurang utama dikemudiankan. Apabila berlaku pertembungan antara kepentingan dunia dan kepentingan akhirat maka kepentingan akhirat adalah lebih utama. Firman Allah:

Maksudnya: Dan akhirat itu adalah lebih baik bagimu dari dunia (Al-Dhuha: 4)

Kehidupan dunia adalah berbentuk sementara. Ia akan binasa akibat kematian atau hari kiamat. Manakala kehidupan akhirat adalah kekal buat selama-lamanya tanpa ada penghujung. Kehidupan dunia penuh dengan tipu daya yang mengeliru dan menjerat manusia. Manakala kehidupan akhirat adalah bersih dan dipenuhi dengan pembalasan samada baik atau buruk. Syurga adalah tempat nikmat yang kekal.

Begitu juga dengan neraka sebagai tempat azab yang kekal. Nikmat dan azab di akhirat adalah berlipat kali ganda berbanding dengan azab dan nikmat di dunia.

Manusia perlu kepada panduan syariat dalam kehidupan di dunia.

Kesimpulan daripada sifat-sifat manusia yang telah dijelaskan oleh Al-Quran sebagaimana yang telah dibincangkan ialah manusia tidak boleh lari daripada panduan syariat yang diturunkan oleh Tuhan yang menciptakan manusia. Ini kerana Tuhan yang menciptakan manusia itu sendirilah yang tahu segala kekuatan dan kelemahan yang ada serta segala keperluan yang mesti dipenuhi bagi menjamin kehidupan yang sempurna dan sejahtera di dunia dan di akhirat. Dengan akal semata-mata, manusia tidak mampu untuk memikirkan kebaikan dan mengelakkan kerosakan bagi dirinya kerana ia dipengaruhi oleh kelemahan dan musuh yang hendak merosakkan kehidupannya.

Justeru itu para ulamak menghuraikan bahawa objektif utama syariat Islam diturunkan oleh Allah yang Maha Mengetahui keperluan makhluk yang diciptakanNya adalah untuk menjaga kepentingan dan kebajikan manusia di dunia dan di akhirat. Kepentingan ini akan terhasil dengan mendatangkan kebaikan dan mengelakkan kerosakan daripada manusia. Para ulamak menyebut kepentingan dan kebajikan manusia ini sebagai *maslahat*. Antara bentuk menjaga kepentingan manusia yang telah dilakukan oleh Allah ialah mensyariatkan beberapa jenis ibadat bertahap wajib yang mesti dilaksanakan oleh manusia. Antara ibadat wajib ini ialah puasa di bulan Ramadhan. Di samping puasa wajib di bulan Ramadhan, banyak lagi puasa-puasa sunat yang digalakkan umat Islam melakukannya.

Oleh syariat Islam telah menjelaskan kepada kita kegunaan dan faedah puasa bagi seorang manusia muslim dalam mengharungi kehidupan yang telah dijelaskan konsepnya sebelum ini. Allah telah menjelaskan dalam firmanNya bahawa faedah puasa ialah menghasilkan taqwa. Manakala Rasulullah s.a.w telah menjelaskan bahawa faedah puasa ialah ia bertindak sebagai perisai.

Taqwa menggambarkan kepada kita pengisian dalaman jiwa manusia supaya menjadi kental dalam melaksanakan dan mematuhi segala perintah dan menjauhkan diri daripada larangan Allah. Allah. Manakala perisai pula menggambarkan kepada kita kawalan yang dilakukan oleh spiritual power dalam diri manusia yang membentengi diri daripada serangan musuh yang tidak nampak. Akhirnya puasa akan mewujudkan generasi bertaqwa yang mampu mempertahankan diri daripada sebarang serangan rohani yang merosakkan kehidupan dunia dan akhirat.

*Syaitan mengalir dalam darah anak Adam. Para sahabat bertanya:
"Bagaimana kami hendak menghentikannya." Baginda menjawab:
"Hendaklah kamu berpuasa."*

Dengan rahmat Allah yang amat menyanyangi manusia, Dia telah mewajibkan umat Islam berpuasa wajib sebulan Ramadhan. Tujuannya adalah untuk mengisi jiwa manusia dengan 'internal anergy' yang berupaya menggerakkan motor badannya menepati kehendak syarak. Ini kerana Dia tahu sekiranya diberikan pilihan manusia akan cuai dan lalai untuk memenuhkan jiwa dengan 'internal anergy' ini kerana manusia bebas memilih sebagaimana yang telah dibincangkan.

Kesimpulan

Oleh itu umat Islam terutama generasi muda perlu memahami dan menghayati pelaksanaan ibadah puasa samada yang wajib mahupun yang sunat agar ia menghasilkan buah yang dinyatakan oleh Allah dan rasulNya. Masyarakat juga perlu menggembeling tenaga untuk mengguna sama metod puasa sebagai pembina kekuatan dan benteng yang kukuh bagi individu mengharungi pancaroba kehidupan di dunia demi menjamin kesejahteraan di akhirat.

RUJUKAN

- Atan Long, 1982. *Psikologi Pendidikan*. Dewan Bahasan dan Pustaka, Kuala Lumpur)
- Ibnu Abi Al-Izz, 1984. *Syarah Akidah Tahawiah*. Al-Maktab Al-Islami, Beirut. Hal. 436-444
- Al-Hasyimi, 1982. *Madkhal Ila Al-Tasawur Al-Islami Li Al-Insan Wa Al-Hayah*. Dar Al-Furqan, Amman
- Jalal Alim, 1979. *Qadatu Al-Gharbiyun Yakulun Dammiru Al-Islam Wa Abidu Ahlahu*. Dar Al-Salam, Kaherah.
- Al-Jauzi, t.th. *Talbis Iblis*. Maktabah Al-Thaqafah Al-Diniah, Kaherah
- Al-Jauzi, Ibnu Qayim, 1987. *Al-Da' Wa Al-Dawa'*, Maktabah Al-Turath Al-Islami, Kaherah.
- Al-Kamali, 2000. *Min Fiqh Al-Muwazanat Baina Al-Masalih Al-Syar'iyah*. Dar Ibnu Hazm, Beirut.
- Al-Maidani, 2000. *Al-Akidah Al-Islamiah Wa Ususuha*. Dar Al-Qalam, Beirut. Hal. 259

- Al-Maidani, Abdul Rahman, 1995. *Ibtala' Al-Iradah Bi Al-Iman Wa Al-Islam Wa Al-Ibadah*. Dar Al-Qalam, Damsyik)
- M.Ali, 1984. *Al-Quran Membicarakan Tentang Manusia*. Alharamain Sdn. Bhd. Kuala Lumpur
- Mohammad Ali Albar, 1992 (terjemahan). *Perkembangan Manusia Menurut Al-Quran dan Sains*. Crescent News (K.L) Sdn. Bhd. Kuala Lumpur
- Muhammad Jamaluddin, 1996. *Pertempuran Antara Manusia dan Syaitan*. Era Ilmu Sdn. Bhd, Kuala Lumpur
- Muhammad Qutub, 1983. *Al-Insan Baina Al-Maaddiah Wa Al-Islam*, Dar Al-Syuruq, Beirut. Hal. 65-80)
- Al-Naysmi, 1992. *Tariq Al-Nina Al-Tarbawi Al-Islami*, Dar Al-Wafa', Kaherah
- Al-Qardhawi, 2001. *Al-Siasah Al-Syar'iyyah*. Muassasah Al-Risalah, Beirut.
- Al-Qardhawi, 1981. *Al-Iman Wa Al-Hayah*, Muassasah Al-Risalah, Beirut.
- Al-Qardhawi, 1981. *Al-Khasais Al-Ammah Li Al-Islam*, Maktabah Wahabah, Kaherah. Hal. 73
- Al-Qardhawi, 1996. *Madkhal Li Makrifah Al-Islam*, Maktabah Wahabah, Kaherah. Hal. 68-79
- Al-Qardhawi, 2001. *Madkhal Li Dirasat Al-Syariah Al-Islamiah*. Muassasah Al-Risalah, Beirut.
- Raja Abdul Hamid, 1994. *Al-Kaun Wa Al-Ardh Wa Al-Insan*. Dar Al-Khair, Beirut. Hal. 292).
- Al-Razi, 1992. *Al-Mahsul Fi Ilmu Al-Usul Al-Fiqh*. Muassasah Al-Risalah, Beirut. Jilid 1, hal. 93-104)
- Sabir, t.th. *Al-Akidah Wa Al-Fitrah Fi Al-Islam*. Darul Jil, Beirut
- Said Hawa: 1988. *Tarbiatuna Al-Rohiah*. Dar Al-Salam, Kaherah)
- Sayid Qutub, 1986. *Fi Zilal Al-Quran*. Dar Al-Syuruk, Kaherah
- Sayid Qutub, 1988. *Muqawwimat Al-Tasawur Al-Islami*, Dar Al-Syuruk, Beirut, hal. 363

Sulaiman Nordin, 2002. *Islam dan Ideologi Masa Kini*. Pusat Pengajian Umum, UKM.

Al-Syatibi. 1991. *Al-Muwafaqat*. Al-Matba'ah Al-Tijariah, Mesir.